

MAHATHIR - RAWATAN 1985

KUALA LUMPUR, 25 FEB. (BERNAMA) -- DATUK SERI DR. MAHATHIR MOHAMAD HARI INI MAHUKAN HOSPITAL SWASTA TIDAK CUMA MEMENTINGKAN KEUNTUNGAN, TETAPI JUGA BERSEEDIA MERAWAT SETIAP PESAKIT TERUTAMA SEMASA KECEMASAN TANPA MENGIRA SAMADA SESEORANG ITU MAMPU MEMBAYAR ATAU TIDAK.

PERDANA MENTERI BERKATA JIKA SESUATU KEMALANGAN BERLAKU DI DEPAN SESUATU HOSPITAL, TUGAS UTAMA DOKTOR IALAH MEMBERI RAWATAN SERTA-MERTA TANPA MENGAMBIL KIRA YANG MALANG ITU MAMPU MEMBAYAR.

+DALAM KEADAAN TERDESAK UMPAMANYA KES KECEMASAN, BERI RAWATAN DENGAN SEGERA. JANGAN BERKIRA TENTANG KEUNTUNGAN YANG DIPEROLEHI SEHINGGA PESAKIT TIDAK DIBERI RAWATAN KERANA TIDAK MAMPU.

+SEKURANG-KURANGNYA BERI FIRST AID DAHULU DAN BARULAH HANTAR KE HOSPITAL KERAJAAN YANG BERDEKATAN,+ TAMBAHNYA SEMASA MERASMIKAN PUSAT PAKAR TAWAKAL DI JALAN PAHANG DI SINI YANG DIKENDALIKAN OLEH 12 ORANG DOKTOR PAKAR DALAM BERBAGAI BIDANG TERMASUK RAWATAN JANTUNG, UROLOGI, PEMBEDAHAN, OTHOPEDIK DAN RADIOLOGI.

KENYATAAN DR. MAHATHIR ITU JELAS MENUNJUKKAN PANDANGAN BERATNYA TENTANG LAPORAN-LAPORAN YANG MENYEBUT KONONNYA ADA KLINIK DAN PUSAT PERUBATAN SWASTA YANG ENGGAN MENERIMA PESAKIT TERUTAMA DALAM KES KEMALANGAN SEHINGGA ADA YANG MENINGGAL DUNIA KERANA LAMBAT MENERIMA RAWATAN.

PERDANA MENTERI JUGA TIDAK MAHU PARA DOKTOR DI NEGARA INI MENJALANKAN PEMERIKSAAN YANG TIDAK DIPERLUKAN KE ATAS PESAKIT SEHINGGA MENYUSAHKAN MEREKA.

+SAYA TIDAK MAHU AMALAN-AMALAN TIDAK SIHAT SEPERTI YANG BERLAKU DI NEGARA-NEGARA LAIN DI MANA PESAKIT TERPAKSA MENJALANI BERMACAM-MACAM JENIS PEMERIKSAAN KLINIKAL DAN LABORATORY.

+JANGANLAH KERANA HENDAK MENGELAK DISERET KE MAHKAMAH, DOKTOR-DOKTOR MEMBUAT PEMERIKSAAN YANG BUKAN-BUKAN YANG MENJADI BEBAN KEPADA PESAKIT.+

DR. MAHATHIR MENARIK PERHATIAN TENTANG PERISTIWA SEORANG PESAKIT DI AMERIKA SYARIKAT YANG LUKA JARINYA TERPAKSA MEMBAYAR US\$18,000 UNTUK PERIKSA DARAH DAN SCANNING KERANA DOKTORNYA TAKUT DIDAKWA DI MAHKAMAH.

JELASNYA, UNTUK MENGELAKKAN AMALAN MENGEMUKAKAN DAKWAAN SEWENANG-WENANGNYA DI MAHKAMAH, KERAJAAN TELAH MENETAPKAN HAD BAYARAN GANTI RUGI YANG PATUT DIBAYAR JIKA SABIT KESALAHAN DI MAHKAMAH. --

+OLEH YANG DEMIKIAN, KITA TIDAK HARUS MENIRU NEGARA-NEGARA MAJU DI MANA DOKTOR BEKERJA CUMA DI MASA PEJABAT DAN JIKA DIPANGGIL SEMASA MAIN GOLF TIDAK ADA YANG MAHU MENERIMANYA. INI ADALAH KERANA MEREKA TAKUT, JIKA TIDAK DIBERI LAYANAN YANG CUKUP, MEREKA KENA DAKWA DI MAHKAMAH DAN TERPAKSA MEMBAYAR GANTI-RUGI YANG TERLALU TINGGI.+

DR. MAHATHIR MENINGGATKAN DOKTOR SWASTA KHUSUSNYA BAHAWA PESAKIT ADALAH +BOSS MEREKA + KERANA MEMBAYAR WANG UNTUK MENERIMA RAWATAN DAN OLEH YANG DEMIKIAN, MEREKA JANGAN TAKUT MEMBERI RAWATAN YANG DIPERLUKAKAN TERUTAMA BAGI KES-KES KEMALANGAN.

KATANYA, DOKTOR-DOKTOR TIDAK PATUT BOSAN MELAYAN KEHENDAK PESAKIT KERANA +REPUTATION+ MEREKA AKAN MENJADI BURUK JIKA MEREKA MENGABAIKAN TUGAS MEREKA.

PERDANA MENTERI JUGA MENEKANKAN PERLUNYA SEMUA KAUM MENGIKIS SIKAP PERGI KE HOSPITAL ATAU KLINIK PERUBATAN YANG DIMILIKI OLEH KAUM MEREKA SAHAJA.

KATANYA, NEGARA MEMPUNYAI BERBAGAI PERKHIDMATAN KEMUDAHAN YANG TINGGI DAN KESEMUANYA ADALAH UNTUK SEMUA RAKYAT.

DI AKHIR UPACARA, DR. MAHATHIR DAN DATIN SERI DR. SITI HASMAH MELAWAT PUSAT PERUBATAN EMPAT TINGKAT BERTINGKAT BERHARGA \$16 JUTA YANG MEMPUNYAI 150 KATIL. PUSAT ITU YANG DAHULUNYA DERETAN KEDAI MENGAMBIL MASA SETAHUN UNTUK DIUBAHSUAI DAN MULA BEROPERASI JUN LALU.

-- LAGI.

1525MST 25 02 85

R 8886 AAB

MAHATHIR - RAWATAN 4 KUALA LUMPUR

PUSAT ITU DIKENDALIKAN OLEH 12 ORANG PAKAR YANG SEBELUM INI BERKHIDMAT DI HOSPITAL BESAR. IDEA HOSPITAL ITU YANG BERLANDASKAN KONSEP PENSWASTAAN ADALAH ATAS HASIL TENAGA DATUK DR. HUSSEIN AWANG YANG JUGA PENGERUSI PUSAT ITU.

ANTARA LAIN, PUSAT IA MEMPUNYAI PUSAT RAWATAN JANTUNG YANG DIKENDALIKAN OLEH DATUK DR. NIK ZAINAL, SALAH SEORANG PAKAR SAKIT JANTUNG YANG TERKENAL DI NEGARA INI.

PUSAT ITU AKAN MEMPUNYAI BANGUNAN KHAS UNTUK WAD BERSALIN DAN RAWATAN KANAK-KANAK APABILA DERETAN KEDAI YANG BERDEKATAN DIAMBIL ALIN KEMUDIAN.-- BERNAMA.

1524MST 25 02 85